

UMS laksana Projek Pemindahan Ilmu Bioteknologi kepada KVLD

UB 10.08.2022 P.02

KOTAKINABALU: Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Projek Pemindahan Ilmu kepada Kolej Vokasional Lahad Datu (KVLD), baru-baru ini.

Pengarah IPB UMS Prof. Dr. Lee Ping Chin berkata, inovasi itu terdiri daripada projek penghasilan media penanaman berasaskan Azolla Peat, dan inovasi bahan tambahan daripada bahan buangan kelapa sawit dalam makanan haiwan ternakan.

“Dua lagi pemindahan ilmu yang dilakukan adalah inovasi penghasilan baja bio daripada bahan buangan rumpai laut, dan inovasi kombucha pellicle sebagai suplemen probiotik untuk makanan haiwan ternakan.

“Projek ini melibatkan tujuh warga IPB yang terdiri daripada pensyarah, kakitangan sokongan dan pentadbiran serta pelajar pascasiswazah,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Menurutnya, projek pemindahan ilmu itu berlangsung selama dua hari melibatkan 15 pensyarah dan



KENANGAN: Rombongan ahli Projek Pemindahan Ilmu IPB UMS bergambar bersama pihak pengurusan tertinggi, pensyarah dan pelajar KVLD.

pelajar KVLD.

“Warga IPB juga telah membantu KVLD dalam memberikan nasihat dan saranan dalam projek inovasi penghasilan Mini Plant Factory.

“Bagi penghasilan media penanaman berasaskan Azolla Peat, Palm Kernel Cake dan Mini Plant Factory, ia dilaksanakan di bawah seliaan dan pembiayaan projek Dana Inovasi Sekolah IPB dengan diketuai oleh Pensyarah Kanan, Dr. Cahyo Budiman.

“Idea asal bagi ketiga-tiga

projek ini adalah diilhamkan warga KVLD, yang kemudian ditambah baik oleh penyelidik IPB,” jelasnya.

Beliau berkata, penyelidik IPB juga melakukan pemindahan ilmu dan teknologi melalui aplikasi dan perkongsian mikroorganisme yang digunakan untuk mengoptimalkan produk inovasi berkenaan.

“Sesungguhnya, IPB akan sentiasa bergiat aktif dalam program-program pemindahan ilmu seumpama ini ke arah meningkatkan ketenterlihatan dan pembudayaan

bidang bioteknologi kepada masyarakat di Sabah.

“Pada projek kali ini, ia juga dilihat mampu meningkatkan lagi minat pelajar KVLD mendalami bidang sains dan teknologi khususnya dalam bidang bioteknologi.

“Sudah tentu usaha sebegini tidak akan terhenti di sini, tetapi IPB dan KVLD akan saling bekerjasama dalam pelbagai lagi aktiviti lain pada masa akan datang,” katanya.

Projek Pemindahan Ilmu itu dirasmikan Pengarah KVLD Ahmad Fakhurrazi Hamzah.